

**Bil. 14**

**Khamis**

**9 Ogos 2018**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Iltizam Masyarakat India Dalam Manifesto Pilihan Raya Ke-14**  
- *YB. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)* [Halaman 1]
  
- **Memohon untuk Pembinaan Jambatan Konkrit Tinggi  
di Kaiduan, Papar**  
- *YB. Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)* [Halaman 3]

**MALAYSIA**  
**KAMAR KHAS**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Khamis, 09 Ogos 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL**  
**BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Iltizam Masyarakat India Dalam Manifesto Pilihan Raya Ke-14**

**2.34 ptg.**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang akan menjawab isu saya pada petang ini dan juga kepada semua pegawai kerajaan.

Tuan Yang di-pertua, Kerajaan Pakatan Harapan telah berjanji akan menyelesaikan isu masyarakat India melalui 25 Iltizam Khas Masyarakat India dalam manifesto pilihan raya keempat belas. Kini sudah hampir tiga bulan setelah penubuhan Kerajaan Pakatan Harapan, saya berpendapat bahawa kerajaan masih belum mengambil sebarang langkah untuk menyelesaikan masalah masyarakat India seperti dijanjikan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pakatan Harapan telah berjanji menyelesaikan masalah komuniti India yang tidak mempunyai status kewarganegaraan (*stateless Indians*) dalam tempoh 100 hari pentadbiran Pakatan Harapan, tetapi tidak ada tanda-tanda yang positif ke arah menyelesaikan masalah ini. Saya dimaklumkan bahawa pihak SEDIC telah mengemukakan lebih 3,000 permohonan kepada pihak KDN, tetapi masih belum mendapat kelulusan. Minta pencerahan dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga masih membisu dalam usaha menaikkan taraf kemudahan sekolah Tamil setaraf dengan sekolah kebangsaan. Saya menyeru agar kerajaan memberi penjelasan tentang rancangan pihak Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah infrastruktur sekolah Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) di bawah Jabatan Perdana Menteri telah dipertanggungjawabkan untuk membantu kementerian dan agensi-agensi kerajaan mengkoordinasi dan menyelesaikan isu-isu masyarakat India. Setelah Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran kerajaan, saya dapati tiada sebarang langkah yang diambil untuk men struktur dan menggerakkan semula unit tersebut bagi memastikan 25 iltizam khas masyarakat India dicapai.

Saya berharap Pakatan Harapan akan mengambil tindakan segera dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat pengumuman mengenai arah tuju SEDIC. Memandangkan 88 peratus masyarakat India telah menyokong Pakatan Harapan dalam PRU Ke-14, adalah wajar untuk kerajaan mengambil tindakan secepat mungkin untuk memberi perhatian yang serius terhadap isu-isu masyarakat India dan memperoleh keyakinan masyarakat India. Sekian, terima kasih.

### **2.36 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Batu Gajah. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedang menyelaras tindakan untuk menangani isu dokumen pengenalan diri dan kewarganegaraan masyarakat berketurunan India melalui satu Jawatankuasa Khas Isu Dokumen Pengenalan Diri dan Kewarganegaraan Masyarakat Berketurunan India yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan dianggotai oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga Manusia, Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia serta Yang Berhormat Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli.

Memandangkan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sedang bercuti sakit, jawatankuasa khas tersebut akan bersidang dalam masa terdekat dengan dipengerusikan sama ada oleh Yang Berhormat Menteri sendiri setelah beliau kembali bertugas seperti biasa atau Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Untuk makluman, sehingga 30 Mei 2018, Kementerian Dalam Negeri telah menerima sebanyak 3,853 permohonan kewarganegaraan daripada individu berketurunan India. Dalam hal ini, sebanyak 1,638 permohonan telah diselesaikan. Manakala baki 2,215 permohonan masih dalam proses.

Berhubung dengan pernyataan Ahli Yang Berhormat bahawa Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC), Jabatan Perdana Menteri telah mengemukakan sebanyak 3,000 permohonan kepada kementerian ini, adalah dimaklumkan bahawa KDN hanya menerima sebanyak 100 permohonan kewarganegaraan melalui platform program MyDaftar yang dianjurkan bersama SEDIC pada tahun 2017. Permohonan tersebut telah diproses dan

keputusan diserahkan kepada pemohon dalam sebuah majlis penyerahan anjuran SEDIC pada 31 Oktober 2017. Pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri sedang giat menjalankan kajian bagi mengenal pasti mekanisme bersesuaian yang boleh dilaksanakan sebagai tambahan kepada inisiatif berterusan oleh Jabatan Pendaftaran Negara seperti mana berikut:

- (i) perkhidmatan menerusi program turun padang ataupun *outreach program*;
- (ii) perkhidmatan melalui unit mobil; dan
- (iii) perkhidmatan melalui bas mobil.

Berhubung dengan isu infrastruktur sekolah serta pengkoordinasian tindakan terhadap 25 iltizam khas masyarakat berketurunan India seperti mana yang disenaraikan dalam manifesto Pakatan Harapan pula, perkara tersebut di luar bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang seterusnya ialah daripada Yang Berhormat Papar, Tuan Haji Ahmad bin Hassan. Oleh sebab beliau tidak hadir... *[Disampuk]* Ya. Saya benarkan untuk Yang Berhormat– sebutkan nama Yang Berhormat. Yang Berhormat Segamat. Silakan.

■1440

### **Memohon untuk Pembinaan Jambatan Konkrit Tinggi di Kaiduan, Papar**

**2.40 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak Yang Berhormat Papar ingin mengajukan permohonan kepada kerajaan untuk pembinaan jambatan konkrit tinggi merentasi Sungai Kaiduan, Papar, Sabah. Keperluan pembinaan jambatan konkrit ini amat-amat diperlukan oleh penduduk setempat dan kampung-kampung berhampiran yang sekarang ini menggunakan jambatan konkrit rendah yang selalu ditenggelami oleh air sungai.

Ada 10 buah kampung yang menggunakan jambatan konkrit rendah ini. Jarak jauh antara tebing Sungai Kaiduan ini ialah kira-kira 200 meter. Ketika jambatan ini ditenggelami air, maka ramailah penduduk tidak boleh keluar dari kampung masing-masing pergi ke pekan berhampiran untuk membeli keperluan harian. Ini juga menyebabkan mereka sukar untuk menjual hasil pertanian mereka ke pekan berdekatan. Begitu juga murid-murid sekolah yang menggunakan jambatan rendah ini juga tidak dapat hadir ke sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, banyak peristiwa yang menyedihkan terjadi disebabkan oleh penggunaan jambatan konkrit rendah ini sehingga kehilangan nyawa di waktu air menenggelami jambatan secara mengejut sewaktu mereka merentasi Sungai Kaiduan ini. Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jambatan konkrit tinggi ini akan dapat meyakinkan penduduk-penduduk setempat tentang keprihatinan kerajaan baharu menyelesaikan permasalahan mereka. Ini akan memberikan mereka nafas baru untuk mengerjakan ladang-ladang dengan bersungguh-sungguh seperti penanaman kelapa sawit yang boleh memberi pulangan yang baik.

Dengan itu, saya berharap agar permohonan ini mendapat perhatian dan kelulusan dari Kementerian Kerja Raya. Sewaktu berkempen dahulu., kami telah memberi harapan kepada mereka bahawa Kerajaan Pakatan Harapan ini adalah kerajaan mesra dan mempedulikan rakyat. Sekian, terima kasih.

#### **2.42 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil maklum keperluan pembinaan jambatan konkrit tinggi yang merentasi Sungai Kaiduan. Kementerian ini dimaklumkan bahawa jambatan ini akan menghubungkan perkampungan di antaranya Kampung Bisuang, di mana terdapat sekolah rendah SK Kaiduan dan juga rumah perkampungan, serta tempat ibadat di kawasan tersebut. Pada masa ini, laluan utama menyeberangi Sungai Kaiduan adalah melalui jambatan gantung dan "*low level crossing*" dengan izin. Walau bagaimanapun, pada musim tengkujuh, "*low level crossing*" dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tersebut tidak dapat digunakan atas sebab keselamatan di mana aras sungai yang tinggi dan deras menyebabkan jambatan ini adalah berbahaya kepada pengguna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat cadangan bagi membina sebuah jambatan kekal dengan panjang 150 meter bagi laluan dua hala dengan struktur merentasi Sungai Kaiduan. Projek ini termasuk membina "*approach road*" dengan izin, struktur pelindung tebing sungai dan lain-lain skop kerja yang diperlukan. Antara faedah yang dijangka daripada projek ini adalah dapat memudahkan perjalanan menggunakan kenderaan sebagai mod pengangkutan utama. Seterusnya, kemudahan jambatan akan menjana pertumbuhan ekonomi penduduk kampung yang terlibat dengan penghasilan pertanian untuk dibawa ke pekan Papar. Selain itu, dapat memendekkan masa perjalanan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk tempatan, khususnya di sekitar kawasan Kampung Kaiduan dan Kampung Bisuang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, cadangan membina jambatan kekal yang terletak di Sungai Kaiduan, Kampung Bisuang, Papar, Sabah yang merentasi Sungai Kaiduan telah dikemukakan sebagai senarai keutamaan negeri untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat di bawah Rolling Plan Keempat, Rancangan Malaysia Kesebelas. Anggaran kos projek ini ialah sebanyak RM25.5 juta. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat. Senarai kelulusan bagi projek *rolling plan* RP4, RMKe-11 ini hanya akan diketahui pada bulan November 2018 ini.

Saya suka menyarankan kepada Yang Berhormat Papar untuk meminta supaya isu ini dibawa lagi ke Dewan Undangan Negeri Sabah supaya tekanan yang lebih kuat boleh dibuat. Tentu ada kalau Yang Berhormat Papar tidak menjadi anggota ADUN, tentu ada rakan-rakan yang boleh membawa isu ini lagi. Kita dalam Kerajaan Persekutuan sentiasa memberikan perhatian dan keistimewaan yang seutuhnya kepada Sabah dan Sarawak. Walaupun jalan-jalan ini bukan jalan-jalan persekutuan, bukan projek persekutuan yang utama, tetapi bila datang Sabah dan Sarawak, kita akan berikan keutamaan. Demikian Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya. Jawapan bertulis akan diberikan selepas ini. Ahli-ahli yang Berhormat Mesyuarat Kamar Khas ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang pada hari Isnin, 13 Ogos 2018.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.47 petang]***